

# Dicekup ketika leka tangkap ikan, sotong

Sinar Harian 5/4/2019 m/s 37

KEMAMAN - Keghairahan 17 nelayan asing dari tiga buah bot mencerooboh perairan negara demi menangkap sotong dan ikan berjaya dipatahkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Kemaman apabila kesemua nelayan Vietnam itu ditahan.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Rashidilhadi Abd Rashid berkata, tiga bot terbabit ditahan ketika kapal ronda Maritim Malaysia yang sedang melakukan rondaan Op Iman di sekitar perairan Terengganu mengesan tindak tanduk mencurigakan.

Menurutnya, ketiga-tiga bot berkenaan cuba melarikan diri tetapi gagal selepas ditahan pada jarak lebih kurang 70 hingga 85 batu nautika dari Kuala Kemaman, masing-masing sekitar jam 8.30 pagi, 9.25 pagi dan 10.20 pagi, kelmarin.

"Hasil pemeriksaan mendapati ketiga-tiga bot berkenaan gagal mengemukakan lesen, dokumen pengenalan diri serta permit kerja yang sah.

"Dianggarkan sebanyak 125 kilogram sotong bersama 4,000 liter minyak



Rashidilhadi menunjukkan sotong yang ditemui dalam bot nelayan Vietnam yang ditahan.

diesel ditemui di dalam kesemua bot berkenaan," katanya.

Rashidilhadi berkata, ekoran penahanan kesemua nelayan berusia antara 14 hingga 55 tahun itu; ketiga-tiga bot termasuk hasil tangkapan dan peralatan menangkap ikan dianggarkan bernilai RM900,000 dirampas.

Kata beliau, bot-bot itu bersama nelayan dibawa ke Jeti Zon Maritim Kemaman untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 15(1)(A) Akta Perikanan 1985 yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM1 juta

bagi pemilik dan tekong dan tidak lebih RM100,000 bagi nelayan atau penjara tidak melebihi dua tahun jika sabit kesalahan.

Beliau berkata, Mac hingga Ogos merupakan musim mencandat sotong di perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan dijangka lebih ramai nelayan asing mencerooboh perairan negara.

Ekoran itu katanya, Maritim Malaysia akan meningkatkan rondaan dan penguatkuasaan bagi memastikan perairan negara sentiasa selamat, aman dan terkawal.